

KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN DESA PEMANGKIN PENDAPATAN PEKEBUN KECIL KELAPA SAWIT PASCA COVID-19

(*Rural Entrepreneurship Skills Catalyst for Palm Oil Smallholders' Income After Covid-19*)

Ahmad Raflis Che Omar, Suraiya Ishak, Azhar Ahmad & Mohd Abdullah Jusoh

ABSTRAK

Kejatuhan harga sawit mentah dan penularan pandemik Covid-19 sejak awal tahun 2020 memberikan kesan negatif terhadap pendapatan pekebun kecil kelapa sawit. Bagi meningkatkan pendapatan, golongan tersebut disarankan supaya terlibat dalam aktiviti ekonomi desa seperti perniagaan kecil, penternakan dan penanaman sayur-sayuran atau buah-buahan. Namun begitu, terdapat jurang kajian dalam konteks bagaimana aktiviti keusahawanan yang disarankan oleh pengamal industri dan para pengkaji terdahulu dapat dilaksanakan secara berkesan. Hal ini disebabkan, latar belakang para pekebun kecil kelapa sawit yang rata-ratanya telah berusia melebihi 60 tahun dan mempunyai tahap keselesaan yang tinggi dalam aktiviti pertanian kelapa sawit berkemungkinan besar tidak dapat menyokong kelincahan dalam bidang keusahawanan. Oleh demikian, dijangkakan penglibatan pekebun kecil sawit dalam aktiviti keusahawanan haruslah melalui suatu proses asimilasi yang lebih khusus. Justeru, artikel ini bertujuan menghuraikan penerapan kemahiran keusahawanan desa berdasarkan Model Kemahiran Keusahawanan Desa bagi memangkin pendapatan para pekebun kecil pasca Covid-19. Kajian ini dilaksanakan menerusi pendekatan kualitatif dengan mengenalpasti kemahiran keusahawanan desa dalam kalangan responden terpilih di Negeri Perak. Kemahiran yang dapat dikesan menjadi asas untuk diterapkan dalam diri pekebun kecil yang ingin melaksanakan aktiviti keusahawanan desa yang seiring dengan kapasiti, sumber dan ekosistem di persekitaran mereka. Hasil kajian menunjukkan tiga kemahiran keusahawanan desa yang perlu diterapkan iaitu kemahiran peribadi, kemahiran interaksi dan kemahiran proses merancang serta mengurus perniagaan. Implikasi daripada kajian ini dapat menghasilkan pengetahuan baharu berkenaan model kemahiran keusahawanan desa yang berpotensi memberi impak kepada peningkatan pendapatan pekebun kecil kelapa sawit.

Kata kunci: Covid-19, pekebun kecil, kelapa sawit, keusahawanan, keusahawanan desa

ABSTRACT

The fall in crude oil prices and the outbreak of the Covid-19 pandemic since early 2020 have negatively affected the income of palm oil smallholders. To increase income, the group is encouraged to participate in rural economic activities such as small business, livestock farming and vegetables or fruit cultivation. However, there is a research gap in the context of how entrepreneurial activities recommended by industry practitioners and previous researchers can be

effectively implemented. The average ages of smallholder who are over 60 years old and have high levels of comfort in oil palm farming activities is unlikely to support dynamic entrepreneurship activities. Therefore, we expect that the involvement of smallholders in entrepreneurship activities should be inculcate through a more specific assimilation process. Accordingly, this article aims to investigate the application of the Model of Rural Entrepreneurship Skills as a catalyst for income generation of post-Covid-19. This study has conducted through a qualitative approach by identifying the rural entrepreneurship skills among selected respondents in the State of Perak. The skills that carry out rural entrepreneurship activities is appropriate to palm oil smallholders' capacity, resources and ecosystems. The results shows three rural entrepreneurship skills that need to be applied namely, personal skills, interaction skills and business process planning and management skills. As an implication, this study provide new insights into rural entrepreneurship skills that have the potential impact on the income generation of palm oil smallholders.

Keywords: Covid-19, smallholders, palm oil, entrepreneurship, rural entrepreneurship

PENDAHULUAN

Covid-19 dijangka memberikan impak negatif yang luar biasa terhadap kebanyakan sektor ekonomi di seluruh dunia. Kesan ekonomi yang paling ketara semenjak penularan wabak berkenaan pada Januari 2020 lalu adalah kejatuhan dalam sektor pelancongan, perhotelan, penerbangan dan automotif. Walau bagaimanapun, impak terhadap sektor pertanian dan bekalan bahan makanan didapati tidak begitu ketara dalam jangka masa terdekat ini. Hal ini disebabkan, masih terdapat banyak permintaan untuk produk-produk dan hasil pertanian bagi kegunaan harian isi rumah dan industri asas makanan di seluruh dunia. Namun begitu, kedudukan ini tidak dapat dipastikan akan bertahan dalam jangka waktu yang lebih panjang akibat daripada kemungkinan berlakunya kesan domino dalam sektor-sektor lain yang berkaitan. Umpamanya, penutupan operasi industri-industri bukan asas, polisi penjarakan sosial, masalah rantaian bekalan dan langkah kawalan penularan wabak Covid-19 melalui Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) atau perintah berkurung (*lockdown*) di kebanyakan negara sekarang ini akan menyebabkan volum permintaan terhadap produk pertanian semakin berkurangan.

Industri kelapa sawit juga dijangka akan mengalami penurunan kesan daripada kejatuhan permintaan minyak sawit daripada negara luar, kesulitan dalam rangkaian pembekalan, masalah pengangkutan dan kekurangan tenaga buruh akibat perintah PKP atau perintah berkurung di negara-negara utama pengimpor minyak sawit seperti India, China, Pakistan dan Turki (MPOC, 2020). Kesan kejatuhan permintaan minyak sawit, minyak isi rong sawit dan sebagainya dapat dikesan daripada statistik jumlah eksport minyak sawit Malaysia sejak Disember 2019. Sebagaimana dilaporkan dalam laman sesawang Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), jumlah eksport minyak sawit dilaporkan telah mengalami tren kejatuhan antara Disember 2019 hingga Mac 2020 seperti diringkaskan dalam Jadual 1. Tren kejatuhan purata harga harian sawit mentah juga berlaku bagi tempoh yang sama iaitu daripada RM2,813.00 (Disember 2019) kepada RM2,131.00 (pada 22 April 2020). Walau bagaimanapun, jumlah pengeluaran sawit didapati semakin meningkat sepanjang tempoh yang sama iaitu daripada 1,333,904 metrik tan pada Disember 2019 kepada 1,397,313 metrik tan pada penghujung Mac 2020. Keadaan ini menunjukkan tingkat pendapatan para pekebun kecil dan pengusaha ladang kelapa sawit adalah

semakin merosot pada suku pertama tahun 2020. Kejatuhan harga buah tandan segar kelapa sawit (BTS) daripada RM31.63 per 1% kadar perahan OER pada Januari 2020 kepada RM24.17 pada Mac 2020 menunjukkan, secara purata para pengusaha dan pekebun kecil kelapa sawit telah kehilangan pendapatan sebanyak 23.58% sepanjang suku pertama tahun 2020. Hal ini adalah amat membimbangkan kerana kebanyakan pekebun kecil kelapa sawit adalah bergantung sepenuhnya kepada pendapatan daripada kelapa sawit sebagai sumber kewangan utama mereka (Azman et al. 2003).

Jadual 1: Kedudukan Tingkat Pengeluaran, Eksport, Harga Buah Sawit dan Harga Minyak Sawit Mentah (Disember 2019 – April 2020)

Perkara/ Bulan	Disember 2019	Januari 2020	Februari 2020	Mac 2020	April 2020
Pengeluaran (Metrik Tan)	1,333,904	1,171,534	1,288,515	1,397,313	n/a
Jumlah Eksport Minyak Sawit (Metrik Tan)	1,398,049	1,213,539	1,082,345	1,181,422	n/a
Harga Purata Harian Minyak Sawit Mentah (RM/Tan)	RM2,813.00	RM3,013.50	RM2,714.50	RM2,382.00	RM2,131.00 (sehingga 22/4/2020)
Harga Buah Tandan Segar (di Kilang) – Purata bagi setiap 1% kadar perahan (OER)	RM29.61	RM31.63	RM28.03	RM24.17	n/a

Sumber: Dipetik daripada Performance of the Malaysian Palm Oil Industry (MPOB, 2020);
<http://bepi.mpopb.gov.my/>.

Kejatuhan harga sawit itu juga berlaku seiring dengan penularan wabak Covid-19 sejak penghujung Januari 2020 di hampir kesemua negara utama pengimport minyak kelapa sawit dunia. Dengan demikian, kesejahteraan kewangan para pekebun kecil kelapa sawit juga turut berada pada tahap yang membimbangkan. Selaras dengan itu, alternatif lain perlu diterokai bagi memastikan tingkat pendapatan para pekebun kecil kelapa sawit dapat diperbaiki untuk mencapai kesejahteraan hidup jangka panjang yang lebih baik (Azman et al. 2003; Kushairi et al. 2019). Pendekatan yang dilihat bersesuaian dengan kapasiti, sumber dan ekosistem yang ada di persekitaran para pekebun kecil kelapa sawit adalah menerusi penerapan amalan keusahawanan desa. Aktiviti keusahawanan desa dalam kalangan pekebun kecil kepala sawit boleh dijadikan alternatif memacu peningkatan pendapatan keluarga pekebun menerusi perlaksanaan aktiviti usaha niaga kecil yang bersesuaian dengan sumber, keupayaan dan kemahiran setiap pekebun. Persoalannya, adakah amalan keusahawanan desa mampu diterapkan dalam kalangan pekebun kecil kelapa sawit di Malaysia?

Selaras itu, artikel ini bertujuan menghuraikan penerapan kemahiran keusahawanan desa berdasarkan Model Kemahiran Keusahawanan Desa Pyysiäinen et al. (2006) sebagai pemangkin kesejahteraan pendapatan para pekebun kecil kelapa sawit pasca Covid-19. Asas kepada penerapan amalan strategik tersebut adalah disandarkan kepada penelitian kajian kes kualitatif terhadap penglibatan lima orang pekebun kecil kelapa sawit dalam aktiviti keusahawanan desa di negeri Perak. Sungguh pun objektif artikel ini adalah ringkas, namun untuk mencapainya bukanlah sesuatu yang mudah kerana penerapan amalan keusahawanan desa di kalangan pekebun kecil kelapa sawit adalah sesuatu yang mencabar dan memerlukan penelitian yang berbeza berbanding

usahawan kecil dan sederhana (EKS) yang lain. Perkara ini disebabkan secara demografinya, para pekebun kecil kelapa sawit adalah mereka yang berusia lanjut dengan purata usia 58 tahun yang pada kebiasaannya menghadapi banyak kesukaran untuk mempelajari dan melaksanakan usaha niaga (Azman et al. 2003). Pekebun kecil kelapa sawit yang telah lama berkecimpung dalam sektor pertanian kelapa sawit yang lebih pasif adalah juga amat berbeza berbanding bidang keusahawanan yang berteraskan kelincahan dan kecepatan bertindak (López et al. 2019). Keberanian mengambil risiko, daya inovasi dan kreativiti dalam melaksanakan aktiviti sektor pertanian juga adalah berbeza berbanding dalam bidang perniagaan. Oleh demikian, pertimbangan yang mendalam telah diberikan oleh penulis bagi memastikan amalan keusahawanan desa berupaya diterapkan kepada para pekebun kecil kelapa sawit dalam acuan dan kaedah yang bersesuaian dengan kapasiti dan keupayaan mereka terutamanya selepas wujudnya kelaziman baharu ekonomi masyarakat luar bandar wabak Covid-19 kelak.

Artikel ini dipersembahkan mengikut susunan seperti berikut; (1) bahagian kedua membincangkan tentang sorotan literatur berkaitan perkara-perkara teras kajian, (2) bahagian ketiga membincangkan metodologi kajian dengan menyentuh tentang kajian kes usahawan desa dalam kalangan pekebun kecil kelapa sawit, (3) bahagian ketiga akan membincangkan tentang hasil kajian dan (4) bahagian terakhir akan merumuskan hasil kajian dengan disertakan beberapa cadangan untuk panduan penyelidikan akan datang, para pekebun kecil kelapa sawit dan juga agensi pembangunan industri kelapa sawit dan pekebun kecil kelapa sawit negara.

KAJIAN LITERATUR

Industri kelapa sawit Malaysia telah mula mengalami kelembapan sejak 2018. Laporan oleh Kushairi et al (2018) menunjukkan terdapat tiga kekangan utama yang berkaitan iaitu kejatuhan dalam pengeluaran, kejatuhan harga dan kejatuhan jumlah eksport kelapa sawit akibat daripada kejatuhan dalam permintaan dunia berikutan keputusan Kesatuan Eropah (EU) memboikot minyak sawit. Terkini, harga sawit sekali lagi terus menyusut akibat kejatuhan permintaan oleh negara-negara pengimport terbesar sawit susulan penularan wabak Covid-19 (MPOC, 2020). Penularan dan peningkatan kes-kes Covid-19 juga telah memberikan kesan negatif kepada sektor pertanian kelapa sawit dan pekebun kecil kelapa sawit. Perintah kawalan pergerakan (PKP) juga pada peringkat awalnya turut melibatkan arahan penutupan kilang memproses kelapa sawit. Sebagai contoh, Kerajaan Negeri Sabah telah mengarahkan penutupan estet dan operasi kilang minyak sawit dilaksanakan sehingga 14 April 2020 di daerah Kalabakan, Semporna, Kunak, Tawau, Lahad Datu and Kinabatangan yang merupakan daerah pengeluar hampir 75 peratus hasil kelapa sawit Negeri Sabah. Penutupan sementara tersebut menurut Persatuan Minyak Sawit Malaysia (MPOA) dan Persatuan Pemilik Ladang Malaysia (MEOA) memberikan kesan sosio ekonomi mendalam kepada masyarakat pesawit di Sabah. Antaranya boleh menyebabkan majikan tidak mampu membayar gaji pekerja semasa tempoh penutupan operasi ladang dan kilang sawit dan juga keadaan di mana para pekerja yang tidak dapat bekerja akan kembali semula ke negara masing-masing. Ini akan mengurangkan jumlah tenaga kerja di ladang dan kebun kelapa sawit selepas tamatnya tempoh PKP kelak (MalaysiaGazette 2020). Sehubungan itu, kerajaan telah memberikan kelonggaran untuk industri sawit beroperasi semula tetapi dengan meminimumkan jumlah tenaga kerja dan penjarakan sosial yang wajib dipatuhi oleh semua pekebun, peraih buah dan pekerja kilang pemprosesan kelapa sawit (Berita Harian, 2020).

Perintah kawalan pergerakan (PKP) dan penjarakan sosial juga turut memberikan kesan terhadap kedudukan kewangan pekebun kecil kelapa sawit. Tren kejatuhan harga buah sawit (BTS) sebagaimana dinyatakan dalam Jadual 1 akibat kejatuhan permintaan minyak sawit oleh negara-negara pengimport utama telah cukup memeritkan kewangan para pekebun kecil. Berikut perlaksanaan langkah kawalan penyebaran Covid-19 pula, operasi kebun sawit menjadi semakin perlahan apabila operasi memetik buah sawit, membaja, meracun dan mengangkut buah sawit mentah (BTS) ke kilang tidak dapat lagi berjalan seperti biasa akibat kekurangan tenaga kerja dan kawalan pergerakan. Para pekerja ladang sama ada secara tetap atau sambilan tidak dapat lagi bekerja dengan sepenuh masa berikutan keperluan mematuhi perintah PKP dan penjarakan sosial. Perkara yang sama juga berlaku di peringkat ram sawit (pusat pembelian buah sawit segar), peringkat pengangkutan buah sawit ke kilang dan juga peringkat proses penggredan kualiti buah sawit di kilang memperoses kelapa sawit turut menjadi perlahan atas keperluan mematuhi peraturan-peraturan kawalan kesihatan yang ditetapkan kerajaan. Hal ini boleh menjelaskan kualiti buah sawit dan mengurangkan harga yang akan dibayar kepada para pekebun kecil kelapa sawit. Selain itu, kos-kos pengendalian ladang juga berkemungkinan akan mengalami kenaikan disebabkan kekurangan bekalan seperti kos baja, racun rumpai dan racun serangga yang semakin sukar untuk dihantar daripada pembekal kepada peruncit input pertanian. Masa operasi yang terhad juga akan menyukarkan operasi ladang untuk diselesaikan dalam masa yang singkat. Apabila berlakunya pertambahan masa kerja buruh, kos overhed pekebun akan turut meningkat. Hal ini akan mengurangkan jumlah pendapatan bersih yang akan diterima oleh para pekebun kecil dan seterusnya menggugat kesejahteraan kewangan kelompok berkenaan.

Kesejahteraan Ekonomi Pekebun Kecil Kelapa Sawit

Kesejahteraan ekonomi individu merujuk kepada persepsi dan petunjuk status kewangan peribadi seseorang (Zaimah et al. 2017). Konsep ini bersandarkan kepada kecukupan dan keteguhan ekonomi keluarga atau individu yang berkait dengan tingkah laku atau keupayaan melindungi diri daripada kesan ekonomi, kekurangan pendapatan, kehilangan pekerjaan, kemerosotan kesihatan dan tahap kemiskinan (Zaimah et al. 2017). Kesejahteraan kewangan tidak akan dapat dicapai sekiranya individu atau keluarga mereka sering menghadapi masalah ketidakcukupan sumber kewangan dan kemiskinan. Ketidakcukupan kewangan boleh menyebabkan individu terdedah kepada krisis kewangan pada waktu kecemasan, melambatkan pembangunan ekonomi keluarga dan menjelaskan kesihatan (Zaimah et al. 2016). Bagi pekebun kecil kepala sawit, kerajaan menetapkan sasaran peningkatan pendapatan bulanan kepada sekurang-kurangnya RM4,000.00 menjelang tahun 2020 (Zaimah et al. 2017). Budhijanto (2015) menegaskan sekarang ini adalah perlu bagi semua pekebun kecil kelapa sawit merubah kehidupan daripada hanya tertumpu sepenuhnya kepada sektor pertanian kepada menceburi sektor perindustrian melalui penyertaan dalam aktiviti keusahawanan.

Langkah ini dilihat perlu sebagai suatu strategi baharu dalam mengimbangi kelemahan para pekebun kecil kelapa sawit mendepani keperluan pensijilan amalan pertanian sawit lestari sebagaimana ditetapkan oleh *Roundtable on Sustainable Palm Oil* (RSPO) di peringkat global (Khusairi et al. 2019). RSPO bukan sahaja menekankan kepada standard amalan pertanian yang baik, malahan sistem pensijilan tersebut memberikan cabaran baharu bagi para pekebun kecil kelapa sawit yang rata-ratanya berpendapatan rendah. Sebahagian mereka tidak berkemampuan

membeli benih-benih kelapa sawit dan baja yang bermutu tinggi serta membelanjakan modal yang besar untuk mengamalkan sistem pertanian lestari berbanding ladang-ladang yang besar milik syarikat korporat (Budhijanto 2015). Oleh demikian, sebagaimana dijelaskan oleh Pyysiäinen et al. (2006), para pekebun wajar menjalankan perniagaan untuk menampung kekurangan pendapatan hasil ladang untuk menjadikan mereka dapat terus kekal berada di kawasan asal mereka.

Bagi menggalakkan peningkatan pendapatan pekebun sawit, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah melaksanakan program integrasi sawit menerusi amalan mengintegrasikan tanaman sawit bersama aktiviti ekonomi lain seperti tanaman atau ternakan. Ia bertujuan untuk meningkatkan pendapatan para pekebun kecil kelapa sawit di bawah kelolaan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) (Zaimah et al. 2017). Amalan integrasi sawit juga boleh mengurangkan kos penyelenggaraan kebun dan memaksimumkan penggunaan tanah yang sama untuk memperolehi pendapatan tambahan (Zaimah et al. 2017). Menurut Yusof (2001), sektor pekebun kelapa sawit mampu membantu mengeluarkan bahan makanan berasaskan protein dan karbohidrat untuk menampung pengeluaran makanan negara. Antara yang disarankan adalah menerusi penglibatan pekebun dengan mengintegrasikan tanaman lain seperti pisang, nanas dan tembikai atau menerusi aktiviti penternakan seperti lembu, kambing dan ayam kampung. Projek integrasi sawit didapati membantu mengurangkan kos pembersihan rumput-rumpai, anai-anai dan serangga perosak (Norkaspi et al. 2007). Bagi projek integrasi nanas, dianggarkan pekebun kecil mampu memperolehi pendapatan bersih sebanyak RM13,000 sehektar pada setiap musim (Norkaspi et al. 2007). Aktiviti peningkatan pendapatan pekebun kecil kelapa sawit ini tidak harus dilihat hanya sebagai alternatif menambahkan pendapatan semata-mata, tetapi wajar dikembangkan dalam bentuk keusahawanan yang bersifat jangka panjang dan lestari khususnya dalam konteks kekangan pendapatan pekebun dalam tempoh penularan wabak Covid-19. Sungguhpun demikian, kajian-kajian lepas didapati tidak mencadangkan bentuk-bentuk perniagaan yang spesifik dan bentuk-bentuk kemahiran perniagaan yang perlu ada dalam diri pekebun kecil kelapa sawit sebelum mereka menceburti bidang ekonomi tersebut.

Keusahawanan Desa

Keusahawanan desa adalah salah satu manifestasi kepada pembangunan ekonomi individu dan keluarga yang lebih menarik berbanding ikhtiar-ikhtiar hidup yang lain (Pyysiäinen et al. 2006; López et al. 2019). Keusahawanan desa bersifat universal dan sesuai diamalkan dalam mana-mana bentuk komuniti, situasi dan geografi. Hal ini bersandarkan kepada teori keusahawanan Adam Smith yang menjelaskan usahawan adalah seorang pemodal yang melaburkan dana, buah fikiran, usaha, masa, jaringan dan inovasi dalam sesuatu perniagaan dengan kesanggupan menanggung risiko pada tahap tertentu (Teece 2012). Usaha niaga keusahawanan tersebut dilaksanakan dengan matlamat untuk menyediakan nilai ditambah kepada pengguna dan masyarakat dalam bentuk produk atau perkhidmatan (Banerjee 2015). Pada masa yang sama, usahawan mendapat pulangan dalam bentuk kewangan dan bukan kewangan atas usaha niaga yang dilaksanakan meliputi keuntungan, penguasaan pasaran, pengenalan jenama syarikat dan peningkatan status sosial (Teece 2012; López et al. 2019). Dalam hal ini, keusahawanan desa dikatakan sebagai medium yang boleh membantu meningkatkan tahap sosio ekonomi masyarakat seperti golongan muda, petani, kelompok manusia terpinggir dan kelompok masyarakat berpendapatan rendah di luar bandar

(Pyysiäinen et al. 2006; López et al. 2019; Kalsom et al. 2020).

Keusahawanan desa adalah aktiviti usaha niaga yang boleh dilaksanakan di kawasan luar bandar dan pedalaman dengan syarat wujudnya peluang-peluang yang boleh diterokai oleh seseorang usahawan (Pyysiäinen et al. 2006; Md Lazim & Hadziroh 2020). Keusahawanan desa sebagaimana dijelaskan oleh Pato dan Teixeira (2018) adalah merujuk kepada usaha niaga di kawasan luar bandar yang memanfaatkan sumber tempatan untuk memperoleh keuntungan ekonomi dan juga sebagai strategi pembangunan masyarakat luar bandar. Ianya beroperasi menerusi penggunaan sumber-sumber yang dioptimumkan di kawasan luar bandar seperti penggunaan input bahan mentah tempatan, menggunakan pekerja tempatan, menghasilkan produk tradisi atau tempatan dan menjual produk dihasilkan dalam pasaran tempatan sebagai asas utamanya (Korsgaard et al. 2015).


Motivasi dan Penerapan Kemahiran Keusahawanan Desa

Teori Tingkah Laku Terancang menghuraikan tentang tingkah laku manusia adalah didorong oleh motivasi dalam melakukan tindakan yang hendak dipersembahkan atau yang diingini (Ajzen 1991). Tahap keinginan merupakan motivasi dalam melakukan tindakan. Hishrich et al. (2007) mengukuhkan pandangan tingkah laku dengan menjelaskan dua bentuk persepsi dalam membentuk motivasi iaitu (a) kemungkinan tindakan yang boleh dilakukan berdasarkan keyakinan personaliti individu dan (b) tahap persepsi bahawa tindakan tersebut sangat dikehendaki iaitu digambarkan menerusi sikap individu tersebut. Dalam konteks penerapan amalan keusahawanan desa dalam kalangan pekebun kecil kelapa sawit, didapati kedua-dua faktor motivasi yang dijelaskan oleh Hisrich et al. (2007) adalah amat penting untuk diberikan tumpuan. Hal ini disebabkan sungguhpun terdapat banyak peluang untuk diceburi sebagai strategi meningkatkan pendapatan dan ekonomi keluarga, individu masih memerlukan dorongan dalaman dan luaran dalam menilai dan merebut peluang-peluang keusahawanan yang ada (Korsgaard et al. 2015). Walau bagaimanapun, aspek dorongan dan motivasi merupakan faktor yang sukar untuk diterapkan seandainya seseorang individu itu tidak sanggup untuk menerimanya (Pyysiäinen et al. 2006). Faktor kedua yang juga dikenalpasti mendorong motivasi dan perlu diterapkan dalam kalangan usahawan desa ialah kemahiran memulakan dan melaksanakan perniagaan dengan berkesan (Pyysiäinen et al. 2006). Menurut Pyysiäinen et al. (2006), kemahiran yang perlu ada bagi menjayakan amalan keusahawanan desa dalam kalangan petani adalah merangkumi kemahiran peribadi, kemahiran inter-personal dan kemahiran proses. Rajah 1 menunjukkan saling perkaitan antara ketiga-tiga kemahiran tersebut.

Oleh yang demikian, amalan keusahawanan di kalangan pekebun kecil kelapa sawit juga dilihat wajar diterapkan menggunakan model strategi penerapan kemahiran keusahawanan Pyysiäinen et al. (2006). Keupayaan para pekebun kecil dalam melaksanakan aktiviti keusahawanan desa amat bergantung kepada sejauh mana mereka menguasai kemahiran peribadi dalam berinovasi, mengambil inisiatif, berkesanggupan menanggung risiko dan menghadapi cabaran perniagaan serta mengambil tanggungjawab yang bersesuaian. Kemahiran mengenalpasti dan merebut peluang juga merupakan satu elemen asas yang penting untuk dikuasai. Dalam konteks kemahiran inter-personal, ia melibatkan strategi penerapan keupayaan usahawan desa untuk berinteraksi dan berkomunikasi dengan pihak luar seperti pelanggan, agensi pembiayaan dan juga agensi pembangunan pertanian setempat. Lanjutan daripada itu, usahawan desa juga harus

memiliki kecekapan dalam aspek perundingan, kepimpinan dan kemahiran mempengaruhi pihak lain untuk meningkatkan kedudukan perniagaan. Kemahiran proses pula melibatkan proses kerja yang lebih kompleks seperti keupayaan merancang, mengurus, menyusun, menganalisis dan melaksanakan rancangan perniagaan yang telah ditetapkan. Model ini juga didapati selaras dengan model keperkasaan pekebun kecil Bidayuh yang diketengahkan oleh Novel dan Nurmahfuzah (2015) dengan menggunakan pendekatan keperkasaan dalaman dan keperkasaan luaran.

Rajah 1: Faktor kemahiran yang mendorong motivasi adaptasi amalan keusahawanan desa



Sumber: Pyysiäinen et al. (2006)

Dalam konteks pekebun kecil kelapa sawit, beberapa kajian terdahulu juga menekankan kepada perlunya penguasaan kemahiran peribadi sebagai asas motivasi memulakan perniagaan. Kalsom et al. (2020) umpamanya, menyarankan agar para pekebun kecil kelapa sawit merebut peluang meningkatkan pendapatan keluarga menerusi aktiviti agro-pelancongan. Khusairi et al (2018) pula memberikan saranan agar para pekebun kecil mengambil inisiatif dan peluang yang disediakan oleh MPOB dengan melaksanakan aktiviti integrasi sawit dalam bentuk penternakan atau penanaman tanaman jangka pendek. Azman dan Nazirah (2015) pula menyarankan agar pekebun kecil sawit dapat terlibat secara aktif dalam Koperasi Pekebun Sawit Mapan (KPSM) dan menguasai kemahiran mengurus sendiri koperasi untuk meningkatkan pendapatan para pekebun secara kolektif. Novel dan Nurmahfuzah (2015) pula menjelaskan bagaimana keperkasaan faktor dalaman individu untuk meningkatkan tahap sosio ekonomi harus bermula dengan tindakan dan inisiatif mereka sendiri. Ia tidak boleh semata-mata dipaksa oleh agen luaran seperti agensi pembangunan kelapa sawit atau struktur masyarakat mereka sendiri. Oleh demikian, kemahiran dan motivasi keusahawanan desa perlu diterapkan kepada pekebun kecil kelapa sawit mengikut konteks yang bersesuaian.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian kualitatif ini dilaksanakan melalui temubual bersemuka dengan lima orang pekebun kecil kelapa sawit yang berdaftar dengan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) di negeri Perak. Pemilihan sampel dijalankan secara persampelan bertujuan tidak berkebarangkalian (*non-probability purposive sampling*). Kesemua responden yang dipilih merupakan pekebun kecil kelapa sawit yang sedang menjalankan aktiviti keusahawanan dalam konteks yang berbeza sebagai alternatif menambah pendapatan. Pemilihan sampel dilaksanakan menerusi maklumat dan saranan yang diberikan oleh pegawai Tunas MPOB di daerah berkaitan dan juga ketua penduduk di setiap kawasan. Satu set borang protokol temubual dan soalan temubual telah disediakan dengan mengandungi dua bahagian iaitu, bahagian pertama adalah berkaitan demografi responden dan latar belakang perniagaan, manakala bahagian kedua mengandungi enam soalan terbuka berkaitan faktor motivasi keusahawanan dan faktor-faktor kemahiran keusahawanan seperti di Jadual 2.

Proses temubual dilaksanakan di tempat responden dan mengambil masa purata selama 45 minit. Semua perbualan dan maklumbalas responden telah dirakam dengan kebenaran setiap responden. Temu janji awal telah terlebih dahulu diatur seminggu sebelum sesi temubual diadakan. Responden diberikan peluang untuk menetapkan tarikh dan masa temubual yang bersesuaian dengan kelapangan waktu masing-masing. Transkrip temubual kemudiannya dianalisis menggunakan pendekatan analisis kandungan di mana kesemua maklumat dikelaskan, diringkaskan dan dibentangkan mengikut tema sebagaimana disarankan oleh Austin and Sutton (2015). Proses pengekodan (*coding*), penyediaan ringkasan dan interpretasi terhadap maklum balas yang diperolehi adalah penting bagi mendapatkan keputusan yang bermakna untuk menyokong objektif kajian.

Jadual 2: Soalan temubual

Seksyen	Soalan
A: Latar belakang responden dan perniagaan	Jantina Umur Keluasan keseluruhan kebun sawit Status pemilikan kebun Purata pendapatan hasil sawit sebulan: Aktiviti perniagaan dijalankan Tahun memulakan perniagaan Status pendaftaran perniagaan Purata pendapatan perniagaan sebulan Bilangan pekerja dan status Penglibatan ahli keluarga secara sepenuh masa
B: Motivasi dan faktor kemahiran keusahawanan	Apakah sebab yang mendorong tuan/puan menceburi bidang perniagaan? Adakah tuan/puan mempunyai kemahiran tertentu sebelum memulakan perniagaan ini? Apakah kemahiran peribadi yang telah tuan/puan terapkan sepanjang menjalankan perniagaan ini? Bagaimana tuan/puan menangani cabaran sepanjang menjalankan

perniagaan ini?

Adakah tuan/puan turut terlibat dalam proses berunding dan mempengaruhi pihak luar sepanjang menjalankan perniagaan ini? Bagaimanakah ia dilaksanakan?

Adakah tuan/puan mengamalkan kemahiran merancang, mengurus dan membuat analisa-analisa tertentu seperti kewangan atau pasaran sepanjang menjalankan perniagaan ini? Adakah ia penting?

Sumber: Pengkaji

Maklumat demografi dan perniagaan para responden (RES) ditunjukkan dalam Jadual 3. Secara umum, majoriti responden ialah pekebun kecil kelapa sawit yang berusia melebih 55 tahun, kecuali responden pertama (RES-1). Pemilikan kebun sawit sendiri adalah di bawah 10 ekar bagi kesemua responden. Walau bagaimanapun terdapat dua orang responden yang menyewa atau memajak kebun sawit milik orang lain (RES-1; RES-4). Purata pendapatan bulanan hasil daripada kebun sawit adalah di antara RM900 hingga RM16,000. Amaun berkenaan selaras dengan saiz pemilikan kebun sawit dan status tahap semasa usia pokok kelapa sawit. Daripada aspek perniagaan pula, para responden didapati melaksanakan aktiviti keusahawanan desa seperti khidmat pengurusan kebun sawit, warung makan, kedai makan kampung, khidmat mengangkut buah kelapa sawit, penternakan kambing dan pembuatan sos cili. Jumlah pendapatan purata yang diperolehi setiap bulan adalah di antara RM2,000 hingga RM15,000. Bagi menjalankan perniagaan, kesemua responden didapati telah mengupah pekerja yang terdiri daripada pekerja kontrak atau sambilan dan juga ahli keluarga terdekat. Jumlah pekerja dilaporkan adalah di antara satu hingga lima orang.

Jadual 3: Latar belakang responden dan perniagaan

Responden	Latar belakang responden dan perniagaan	
RES-1	Lokasi:	Tanjung Malim, Perak
	Jantina:	Lelaki
	Umur:	45 tahun
	Keluasan keseluruhan kebun sawit:	20 ekar
	Status pemilikan kebun:	Milik sendiri (7 ekar) dan sewa/pajak (13 ekar)
	Purata pendapatan hasil sawit sebulan:	RM16,000
	Aktiviti perniagaan dijalankan:	Perkhidmatan pengurusan kebun sawit – membersih, membaja, mengait buah dan mengangkut buah tandan segar ke ram sawit
	Tahun memulakan perniagaan:	2010
	Status pendaftaran perniagaan:	Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sebagai milikan tunggal
	Purata pendapatan perniagaan sebulan:	RM15,000
	Bilangan pekerja:	5 orang (kontrak)
	Penglibatan ahli keluarga:	2 orang (anak dan adik)
RES-2	Lokasi:	Ulu Slim, Perak

	Jantina:	Perempuan
	Umur:	71 tahun
	Keluasan keseluruhan kebun sawit:	5 ekar
	Status pemilikan kebun:	Milik sendiri
	Purata pendapatan hasil sawit sebulan:	RM5,000
	Aktiviti perniagaan dijalankan:	Pengeluar dan pemasar sos cili
	Tahun memulakan perniagaan:	2005
	Status pendaftaran perniagaan:	Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sebagai milikan tunggal
	Purata pendapatan perniagaan sebulan:	RM4,000
	Bilangan pekerja:	2 orang (sambilan)
	Penglibatan ahli keluarga:	2 orang (anak)
RES-3	Lokasi:	Slim River, Perak
	Jantina:	Lelaki
	Umur:	65 tahun
	Keluasan keseluruhan kebun sawit:	4 ekar
	Status pemilikan kebun:	Milik sendiri
	Purata pendapatan hasil sawit sebulan:	RM2,800
	Aktiviti perniagaan dijalankan:	Penternakan kambing dan penjualan baka kambing
	Tahun memulakan perniagaan:	2016
	Status pendaftaran perniagaan:	Tidak berdaftar
	Purata pendapatan perniagaan sebulan:	RM2,000
	Bilangan pekerja:	-
	Penglibatan ahli keluarga:	1 orang (anak)
RES-4	Lokasi:	Chenderong Balai, Perak
	Jantina:	Lelaki
	Umur:	73 tahun
	Keluasan keseluruhan kebun sawit:	9 ekar
	Status pemilikan kebun:	Milik sendiri (3 ekar) dan sewa (6 ekar)
	Purata pendapatan hasil sawit sebulan:	RM5,500
	Aktiviti perniagaan dijalankan:	Kedai makan kampung dan khidmat angkut sawit ke ram (2 traktor kecil)
	Tahun memulakan perniagaan:	1992
	Status pendaftaran perniagaan:	Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sebagai milikan tunggal
	Purata pendapatan perniagaan sebulan:	RM8,000
	Bilangan pekerja:	3 orang (sambilan)
	Penglibatan ahli keluarga:	3 orang (anak dan menantu)
RES-5	Lokasi:	Teluk Intan, Perak
	Jantina:	Lelaki

Umur:	59 tahun
Keluasan keseluruhan kebun sawit:	4 ekar
Status pemilikan kebun:	Milik sendiri
Purata pendapatan hasil sawit sebulan:	RM900 (kebun baru mula mengeluarkan hasil selepas tanam semula)
Aktiviti perniagaan dijalankan:	Warung sarapan pagi dan makan tengahari
Tahun memulakan perniagaan:	2009
Status pendaftaran perniagaan:	Tidak berdaftar
Purata pendapatan perniagaan sebulan:	RM3,500
Bilangan pekerja:	1 orang (sambilan)
Penglibatan ahli keluarga:	2 orang (anak dan isteri)

Sumber: Pengkaji

HASIL KAJIAN

Bahagian ini akan membincangkan dapatan kajian berdasarkan tema-tema yang dikenalpasti menerusi sesi temubual yang telah diadakan dengan semua responden kajian seperti berikut;

Motivasi Keusahawanan Desa

Dorongan kebanyakan responden dalam menceburi bidang keusahawanan desa adalah jelas dipengaruhi oleh faktor utama iaitu keperluan untuk menjana pendapatan tambahan untuk kesejahteraan keluarga dan mengurangkan kebergantungan kepada pendapatan kebun sawit semata-mata seperti diperkatakan oleh Zaimah et al (2017). Hal ini dapat dikesan menerusi maklum balas yang diberikan seperti berikut;

“Setelah saya berhenti kerja dahulu, saya memulakan aktiviti mengurus kebun sawit orang lain di samping menjaga kebun milik saya sendiri. Aktiviti ini kalau bolehlah dikatakan keusahawanan kampung, telah membantu saya menambah pendapatan bulanan.. maklumlah ada ramai anak-anak yang masih belajar ketika itu”. [RES-1]

“Saya memulakan perniagaan ini setelah mendapati hasil sawit tidak stabil untuk menampung keperluan kewangan keluarga. Apabila bermiaga, dapatlah pendapatan keluarga ditingkatkan.. lebihannya dapatlah menabung”. [RES-5]

Faktor motivasi kedua yang dapat dikenalpasti adalah keinginan para responden mengambil peluang terhadap ketersediaan sumber-sumber yang bernilai di persekitaran masing-masing sebagai asas untuk menceburi aktiviti keusahawanan.

“Terdapat ramai penduduk di sekitar kampung saya yang mengusahakan tanaman cili tetapi sering bermasalah dengan pemberong dan peraih. Saya nampak jika saya membuat sos cili, saya mudah mendapat bekalan cili daripada mereka..harga pun murah”. [RES-2]

“Semasa mula menternak dahulu, pokok sawit saya baru ditanam semula. Kebetulan ada kawan

ingin jual kambing dia cara borong murah-murah sebab dah tak mahu ternak lagi. Saya beli dan mulakan projek ini”. [RES-3]

Justeru, hasil temu bual berkenaan adalah bersesuaian dengan saranan pihak kerajaan agar para pekebun kecil kelapa sawit menceburii bidang keusahawanan tani di luar bandar sebagai satu kaedah meningkatkan pendapatan peribadi dan keluarga mereka. Perkara ini dapat dilaksanakan sekiranya para pekebun mempunyai semangat atau keinginan untuk merebut peluang mengeksplorasi sumber-sumber tempatan untuk dikomersialkan sebagai punca pendapatan tambahan menerusi aktiviti keusahawanan desa sebagaimana disarankan oleh Kalsom et al (2020), Novel & Nurmahfuzah (2015) dan Pyysiäinen et al (2006).

Kemahiran Peribadi

Kajian ini juga menemui bukti berkaitan perlunya penerapan kemahiran peribadi dalam kalangan usahawan desa yang terdiri daripada pekebun kecil kelapa sawit. Berdasarkan maklum balas yang diperolehi, terdapat tiga kemahiran peribadi utama sebagaimana diutarakan dalam model Pyysiäinen et al (2006) telah dapat dikesan iaitu (1) keupayaan mengenalpasti dan merebut peluang, (2) inisiatif dan (3) ambil risiko. Keupayaan mengenalpsati dan merebut peluang jelas disebut oleh responden pertama, ketiga dan keempat seperti berikut;

“Di tempat saya terdapat ramai pekebun yang telah lanjut usia. Itu merupakan peluang untuk kami menyediakan khidmat pengurusan dan penyelenggaraan kebun”. [RES-1]

“Peluang itu saya gunakan untuk menternak kambing kerana di kawasan kampung ini memang belum ada yang menternak kambing. Permintaan pun tinggi”. [RES-3]

“Mulanya saya gunakan anak traktor saya untuk mudahkan kerja-kerja kebun saya sahaja sebab saya agak sibuk di kedai makan. Tetapi bila ada jiran-jiran minta tolong angkat buah sawit mereka, saya mulalah ambil upah”. [RES-4]

Aspek inisiatif dan kesanggupan menanggung risiko juga telah dikesan sebagai elemen kemahiran peribadi utama dalam melaksanakan aktiviti keusahawanan desa. Perkara ini dibuktikan dalam maklum balas para responden berikut;

“Mencari pekerja berkemahiran untuk kerja mengait sawit memang agak mencabar. Kadangkala saya terpaksa mengupah pekerja dari luar sekiranya kerja-kerja terlalu banyak apabila musim buah sawit lebat. Kita beri upah lebih sedikit lah, mereka datang”. [RES-1]

“Dalam operasi kami, kadangkala sukar nak dapat botol kaca daripada pembekal. Kadangkala pembekal tu lambat datang, terpaksalah anak saya ke Kuala Lumpur untuk mendapatkan botol daripada pembekal lain”. [RES-2]

Hal ini disebabkan perniagaan berteraskan pertanian lebih banyak berhadapan dengan risiko seperti perubahan cuaca, kekangan permintaan, masalah capaian terhadap rantaian bekalan dan juga tenaga kerja berkemahiran. Keupayaan dan kemahiran menangani perkara-perkara tersebut

secara bijaksana amat penting untuk kelestarian usahawan desa.

Kemahiran Inter-Personal

Hasil kajian juga mendapati terdapat dua elemen kemahiran inter-personal yang diketengahkan melalui model Pyysiänen et al (2006) yang dikesan perlu dimiliki dan diterapkan kepada usahawan desa. Kedua-dua kemahiran tersebut ialah kemahiran berinteraksi dengan pihak lain dan kemahiran berkomunikasi. Bukti berkaitan dicerap menerusi maklum balas informan seperti berikut;

“Awalnya saya memang tidak mempunyai kemahiran menternak kambing. Tetapi dari masa ke semasa saya sentiasa menghubungi pihak Jabatan Veterinar untuk mendapatkan nasihat dan bantuan kawalan penyakit.. Alhamdulillah, mereka bantu sehingga peringkat menyediakan baka kambing”. [RES-3]

Penguasaan kemahiran komunikasi pula dikesan dalam bentuk kemahiran penyediaan kertas rancangan perniagaan, brosur dan iklan perniagaan. Bukti berkaitan dapat dikesan menerusi maklum balas berikut;

“Untuk dapat bantuan mesin pengisar daripada agensi kerajaan, kami perlu sediakan rancangan perniagaan.. Anak saya tolong buatkan. Lepas tu perlu buat iklan sikit.. edarkan kepada kedai runcit, kantin sekolah dan asrama”. [RES-2]

Kedua-dua kemahiran tersebut merupakan asas kepada perlaksanaan aktiviti pemasaran dan peningkatan operasi perniagaan secara berkesan. Kekuatan tersebut juga amat perlu untuk menjamin pertumbuhan dan peningkatan hasil.

Kemahiran Proses

Informan juga membuktikan terdapat gesaan untuk para usahawan desa dalam kalangan pekebun kecil kelapa sawit menguasai kemahiran proses dalam bentuk keupayaan merancang dan mengurus entiti dan operasi perniagaan mereka. Kemahiran ini sangat penting bagi memastikan operasi perniagaan dapat berjalan lancar dan cekap. Bukti berkaitannya dapat dicerap berdasarkan maklum balas informan seperti berikut;

“Jadual bersih kebun dan kait buah perlu susun betul-betul. Mudah pekerja nak buat kerja dan selesaikan ikut masa.. kalau lambat, tuan kebun complaint..”. [RES-1]

“Saya kena rancang masa dengan baik. Awal-awal pagi mesti buka gerai. Orang nak beli sarapan bagi budak-budak ke sekolah dan nak bawa ke kebun. 11.00 pagi mesti dah siap masak makan tengahari pula. Orang balik kebun nak makan dan bungkus pula. Petang baru saya ke pasar beli bahan mentah untuk esok..”. [RES-5]

Maklum balas tersebut menunjukkan para usahawan desa perlu menguasai kemahiran proses

walaupun lokasi perniagaan mereka tidak berada di kawasan dinamik seperti di bandar. Proses perniagaan dan keperluan pelanggan adalah homogen tanpa mengira lokasi perniagaan. Hal ini adalah selaras dengan saranan model kemahiran Pyysiäinen et al. (2006).

PERBINCANGAN

Pekebun kecil kelapa sawit merupakan kelompok penting dalam industri sawit Malaysia. Namun begitu, kemampuan dan kelestarian kewangan kelompok tersebut amat sering diperdebatkan dan perlu diperkasakan. Hal ini semakin merunsingkan berikutan merebaknya wabak Covid-19 di Malaysia yang menyebabkan berlakunya kesan besar terhadap ekonomi negara, permintaan minyak sawit dunia, harga sawit dan operasi industri sawit. Selaras ini, amalan keusahawanan desa diyakini dapat dijadikan sebagai wadah penjana kesejahteraan hidup kelompok tersebut. Walau bagaimanapun, amalan keusahawanan desa tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan oleh para pekebun kecil kepala sawit tanpa adanya penguasaan terhadap kemahiran-kemahiran keusahawanan desa yang tertentu.

Penemuan kajian ini menunjukkan terdapat tiga bentuk kemahiran atas keusahawanan desa yang perlu diterapkan dan dikuasai oleh para pekebun kecil kelapa sawit. Pertamanya adalah kemahiran peribadi yang berkaitan dengan keupayaan pekebun kecil mengenalpasti dan merebut peluang, mengambil inisiatif serta mengambil ambil risiko cabaran perniagaan secara terancang. Kemahiran kedua yang dikenalpasti ialah kemahiran berinteraksi dengan pihak lain dan kemahiran komunikasi formal yang melibatkan penyediaan dokumen perniagaan, brosur dan pengiklanan. Akhir sekali kluster kemahiran proses yang telah dikesan adalah kemahiran merancang dan mengurus perniagaan secara berkesan. Kesemua kemahiran yang dikenalpasti itu merupakan atas utama yang menyokong motivasi dan motif para pekebun kecil sawit menceburi keusahawanan desa untuk mencapai peningkatan pendapatan dan semangat mengeksplorasi sumber-sumber di persekitaran untuk manfaat ekonomi secara komersil. Dapatkan ini menyokong atas teori sebagaimana yang dijelaskan menerusi teori keusahawanan Adam Smith dan Teori Tingkah Laku Terancang.

KESIMPULAN

Amalan keusahawanan desa dalam kalangan pekebun kecil sawit adalah relevan sebagai strategi peningkatan kesejahteraan hidup pasca Covid-19 di Malaysia. Hal ini disebabkan, para pekebun mempunyai sumber yang bersesuaian untuk diterokai dan dikomersilkan dalam persekitaran mereka. Namun begitu, sokongan ahli keluarga yang berusia lebih muda amat diperlukan untuk membantu para pekebun yang berusia dalam operasi perniagaan. Hal ini menunjukkan, pembangunan ekonomi menerusi keusahawanan dalam kalangan pekebun perlu dilaksanakan secara kolektif bersama ahli keluarga masing-masing. Keduanya, bagi agensi-agensi pembangunan pekebun kecil kelapa sawit, tumpuan haruslah terlebih dahulu diberikan kepada proses menerapkan ilmu dan kemahiran keusahawanan atas sebagaimana yang telah dikenalpasti sebelum projek-projek keusahawanan dapat dimulakan oleh para pekebun. Pemilihan pekebun yang berkemahiran atau penyediaan latihan pembangunan usahawan yang menekankan kepada konteks kemahiran atas keusahawanan desa amat perlu dilakukan terlebih awal sebelum projek

ekonomi disalurkan. Ketiganya, para pengkaji disyorkan agar dapat melanjutkan lagi kajian ini dalam persekitaran lokasi yang berbeza dan menggunakan pendekatan kajian kuantitatif yang lebih menyeluruh. Hal ini akan dapat mengatasi batasan-batasan kajian kualitatif seperti kajian ini.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada Kursi Endowmen MPOB-UKM di bawah Kluster Pendapatan dan Potensi Perniagaan atas penyaluran geran penyelidikan EP-2017-031 bagi menjayakan kajian ini.

RUJUKAN

- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*. 50: 179-211.
- Azman Ismail, Mohd Arif Simeh & M Mohd Noor. (2003). The Production Cost of Oil Palm Fresh Fruit Bunches: the Case of Independent Smallholders in Johor. *Oil Palm Industry Economic Journal*. 3(1): 1-7.
- Azman Ismail & Nazirah CJ. (2015). The effects of establishing sustainable oil palm grower's cooperative on the income of oil palm smallholders. *Oil Palm Industry Economic Journal*. 15(1): 1-7.
- Berita Harian (2020). COVID-19: KPPK mohon Sabah pertimbangan semula keputusan tutup ladang. <https://www.bharian.com.my/bisnes/>.
- Budhijanto, W. (2015). Sustainable Oil Palm Industry based on Social Enterprises for the Humanness of ASEAN. U.S. Mission to ASEAN. <https://asean.usmission.gov/>.
- Hishrich R, Langan-Fox J. & Grant, S. (2007). Entrepreneurship Research and Practice: A Call to Action for Psychology, *American Psychologist*. 62(6): 575-89.
- Kalsom Zakaria, Azman Ismail, Balu Nambiappan & Kamalrudin Mohamed Salleh. (2020). Maximising Smallholders' Income through Agro-tourism. *Oil Palm Industry Economic Journal*. 20 (1): 28-35.
- Korsgaard, S., Müller, S. & Tanvig, H.W. (2015). Rural entrepreneurship or entrepreneurship in the rural – between place and space. *International Journal of Entrepreneurial Behavior & Research*. 21(1): 5-26.
- Kushairi A, Meilina Ong Abdullah, Balu Nambiappan, Elina Hishamuddin, Mohd Noor Izuddin Zanal Bisin, Razmah Ghazali, Vijaya Subramaniam, Sharmala Sundram & Ghulam Kadeer Ahmad Parveez. (2019). Oil palm economic performance in Malaysia and R&D progress in 2018. *Journal of Oil Palm Research*. 31(2): 165-194.
- López, M., Cazorla, A. & Panta, M.D.P. (2019). Rural Entrepreneurship Strategies: Empirical Experience in the Northern Sub-Plateau of Spain. *Sustainability*. 11(1243): 1-15.
- MalaysiaGazette. (2020). MPOA, MEOA bimbang industri terjejas. <https://malaysiagazette.com/2020/03/31/mpoa-meo-bimbang-industri-terjejas/>.
- Malay Mail. (2019). Govt to establish more cooperatives to help oil palm smallholders. <https://www.malaymail.com/news>.
- Md Lazim Mohd Zin & Hadzirah Ibrahim. (2020). The Influence of Entrepreneurial Supports on

- Business Performance among Rural Entrepreneurs. *Annals of Contemporary Developments in Management & HR (ACDMHR)*. 2(1): 31-41.
- MPOC. (2020). COVID-19: Oil palm industry remains stable, backed by demand. <https://www.theedgemarkets.com/>.
- Norkaspi Khasim, Suboh Ismail & Raja Zulkifli Raja Omar. (2007). Integrasi Tanaman Nanas Sarawak Bersama Sawit Di Kawasan Sistem Dua Baris, Risalah Sawit MPOB November 2007.
- Pato, L. & Teixeira, A.A.C. 2018. Rural entrepreneurship: the tale of a rare event. *Journal of Place Management and Development*. 11(1): 46-59.
- Pyysiäinen, J. Anderson, A. McElwee, G. & Vesala, K. (2006). Developing the entrepreneurial skills of farmers: some myths explored. *International Journal of Entrepreneurial Behaviour & Research*. 12(1): 21-39.
- Soumya, S.C. (2020). Coronavirus thumps palm oil demand. <https://www.eco-business.com/news/>.
- Yusof Basiron. (2001). Tingkatkan integrasi ladang sawit, tanaman makanan. Berita Harian, 12 November 2001.
- Zaimah Ramli, Abd Hair Awang & Sarmila Md Som. (2016). Faktor Penentu Kesejahteraan Kewangan Pekerja di Malaysia. *e-BANGI Journal of Social Science and Humanities*. Special Issue, 11(1): 229-240.
- Zaimah Ramli, Jariah Masud, Sharifah Azizah Haron, Mumtazah Othman, Sarmila Md Som & Abd Hair Awang. (2017). Kesejahteraan kewangan pekerja sektor awam di Malaysia: Kes pekerja keluarga dwi-pendapatan. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space*. 10(3): 125-133.
- Zaimah Ramli, Novel Lyndon, Sarmila Md Som & Mohd Yusof Hussain. (2017). Keberkesanan Integrasi Sawit Meningkatkan Pendapatan Pekebun Kecil Sawit: Kajian Kes Di Johor, Malaysia. *e-BANGI Journal of Social Science and Humanities*. Special Issue 2: 152-163.

MAKLUMAT PENULIS

AHMAD RAFLIS CHE OMAR

Pusat Kajian Penciptaan Nilai dan Kesejahteraan Insan
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
raflis@ukm.edu.my

SURAIYA ISHAK

*Pengarang koresponden
Pusat Kajian Sosial, Pembangunan dan Persekutuan
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
suraiya@ukm.edu.my

AZHAR AHMAD

Pusat Kajian Penciptaan Nilai dan Kesejahteraan Insan

Fakulti Ekonomi dan Pengurusan

Universiti Kebangsaan Malaysia

azah@ukm.edu.my

MOHD ABDULLAH JUSOH

Jabatan Perakaunan dan Kewangan

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

Universiti Pendidikan Sultan Idris

mohd.abdullah@fpe.upsi.edu.my